

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [SHAH ALAM]

TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan utama Duta Khas Perdana Menteri di Timur Tengah berbanding Duta-Duta Negara di Timur Tengah yang sedia ada dan apakah laporan terkini gerak kerja Duta Khas Perdana Menteri di Timur Tengah sepanjang 7 bulan dilantik ke jawatan tersebut.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tugas Duta Khas YAB Perdana Menteri ke Timur Tengah adalah untuk membantu dan menasihati YAB Perdana Menteri dalam isu-isu Timur Tengah dan perkara-perkara yang berhubung kait dengan kepentingan Malaysia di rantau tersebut. Ia meliputi dalam bidang agama Islam, Pendidikan, Perdagangan dan Pelaburan.
2. Sejak dilantik, YB Duta Khas telah melakukan gerak kerja meneroka peluang-peluang untuk Malaysia memanfaatkan hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara Timur Tengah. YB Duta Khas telah mengadakan perbincangan dengan YB Menteri Luar dan agensi-agensi berkaitan. Selain itu, YB Duta Khas juga telah mengadakan perjumpaan dan menerima kunjungan hormat Duta-Duta negara Timur Tengah seperti Arab Saudi, Yaman, Qatar, Iran, Oman, Afghanistan, Syria dan Bahrain dan mendapat maklum balas langsung dalam usaha mengeratkan hubungan dua hala melibatkan kerjasama agama Islam, politik, ekonomi, pelaburan dan pendidikan.
3. Hasil kerja dan laporan oleh Duta Khas dilaporkan terus kepada YAB Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.